



Pengunjung asyik bermain dengan kucing di Johan and His Cats Studio, Setia Alam. (FOTO SARIEN NAFIS/BH)



Johan bersama kucingnya.

Johan tawar khidmat gomol si bulus

» Pengunjung dikenakan RM10 bermain dengan kucing selama 50 minit

Oleh Sophia Ahmad
sophia@bh.com.my

Perniagaan yang menawarkan orang ramai peluang 'bermesra dan menggomol kucing' mungkin bunyinya janggal, tetapi itulah dilakukan seorang pemuda, Johan Eskandar Mohamad Najib bersama seorang rakan.

Daripada mulanya hanya menyelamat dan merawat kucing jalanan, sebelum diserahkan kepada keluarga angkat yang berminat, Johan, 26, kemudian mengembangkan kepada perniagaan 'studio kucing', Johan and His Cats Studio yang beroperasi dekat Setia Alam di sini.

Dengan mengenakan bayaran RM10, pengunjung diberi kesempatan untuk bermain, bergambar atau semua kucing di situ selama 50 minit.

Perniagaan yang diceburi se-



Antara cenderamata yang dijual di Johan and His Cats Studio, Setia Alam.

cara tidak langsung itu membuka ruang untuk beliau meneroka lapangan perniagaan baru.

Dalami ilmu haiwan

Sehingga kini, studio yang dipercayai pertama seumpamanya di Malaysia, memiliki hampir 25 jenis baka kucing, antaranya Domestic Longhaired, Maine Coon, Bengal, Sphynx, Ragdoll, Persiam, Oriental Shorthair, Abyssinian, Scottish Fold dan Selkirk Rex,

yang kesemuanya diimport dari Eropah.

Anak muda berusia 26 tahun itu memang menggemari kucing, malah sanggup mendalami ilmu mengenai haiwan itu, khususnya dari aspek baka dan cara penjagaan yang sempurna.

Bermula dengan jenis kucing miliknya terus bertambah dan menarik perhatian ramai.

"Apabila jumlah kucing saya se-

makin bertambah, kawan-kawan mula berminat membeli dan pada waktu itu, hasil jualan itu digunakan untuk menampung kos penjagaan," katanya.

"Ramai juga yang bertanya sama ada mereka boleh datang untuk melihat sendiri kucing itu."

"Dari situ saya terfikir, mengapa tidak saya buka kepada orang ramai yang berminat, untuk datang dan melakukan pelbagai aktiviti bersama haiwan itu," katanya.

Pengunjung semakin ramai

Bertitik tolak daripada hasrat itu, rumah dua tingkat yang disewanya di pinggir ibu negara diubah suai menjadi studio bagi menempatkan puluhan kucing.

"Semakin hari jumlah pengunjung semakin ramai dan sedikit sebanyak, mula menimbulkan rasa tidak senang jiran kerana masalah letak kereta dan sebagainya."

Berikutan itu, beliau berpindah ke bangunan tiga tingkat di kawasan perdagangan di sini, yang menepati cita rasanya untuk meneruskan perniagaan unik tersebut.

Studio yang dibuka enam hari seminggu dan ditutup setiap Jumaat itu boleh menempatkan 35 pengunjung setiap sesi.

"Setiap sesi diperuntukkan selama 50 minit, manakala baki 10

minit lagi digunakan untuk semua kucing berehat.

"Kami sengaja hadkan jumlah pengunjung kerana tidak mahu suasana dalam studio terlalu sesak, selain kesesakan meroka dan semua kucing," katanya.

"Boleh dikatakan hampir semua kucing kami diimport dari Russia, Poland, Ukraine dan Itali kerana harga yang lebih berpatutan dan pilihan yang pelbagai," katanya yang mengusahakan perniagaan itu bersama rakan kongsi, Fahrur Rozi Jalaluddin, 29.

Apa yang, fuat@bh.com.my, Johan yang turut menjalankan perniagaan menjual kucing memberitahu, setiap kucing dijual akan diimport berdasarkan pesanan pelanggan.

"Jika ada pembeli, baru kita akan import. Kami tidak menggunakan konsep kedai haiwan peharian kerana mahu menjaga kualiti dan kesihatan kucing," jelasnya sambil memberitahu, kucing termahal pernah dijual setakat ini adalah daripada baka Maine Coon pada harga RM25,000.

"Kami bukan setakat menjual, tapi juga mahu mendidik pelanggan. Mereka perlu tahu segala 'pantang larang' sebelum membeli kucing," katanya.

Sementara itu, pengunjung, Hafiz Jaafar, 37 berkata studio itu membuka ruang untuk pencinta kucing bermain bersama haiwan kesayangan mereka.

"Isteri saya sangat sukakan kucing, tapi kami tak berkesempatan untuk membelanya kerana anak alahan kepada hama dan bulu."

"Di studio ini, isteri saya setidaknya tidaknya berpeluang membelai haiwan kegemarannya," kata bapa kepada seorang anak perempuan itu.

Pengunjung lain, Nur Nabillah Md Isa, 24, pula berharap Johan akan membuka beberapa cawangan bagi memudahkan penggemar mengunjungi premis berkenaan.



"Boleh dikatakan hampir semua kucing kami diimport dari Russia, Poland, Ukraine dan Itali kerana harga yang lebih berpatutan dan pilihan yang pelbagai"

Johan Eskandar Mohamad Najib, Pemilik



Ikuti BH Plus di www.bharian.com.my untuk lebih gambar dan video